KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | KOSMO | | | |
| TARIKH | : | 16/11/2021 (SELASA) | MUKA SURAT | : | 8 |
| JABATAN | : | JMG | | | |

## Kerajaan negeri tunggu laporan JMG, PTG isu penemuan batu

**TUMPAT** – Kerajaan negeri masih belum menerima laporan rasmi daripada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) berhubung penemuan batu di Bukit Lata, Rantau Panjang yang didakwa mengandungi emas.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah berkata, setakat ini, pihaknya mengetahui maklumat berkaitan penemuan mineral tersebut menerusi laporan akhbar.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

"Kerajaan negeri masih menunggu maklumat yang berkaitan. Biasanya maklumat itu kita akan peroleh daripada JMG atau PTG.

"Jadi kerajaan negeri akan meneliti sebaik mungkin mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Restoran D'Terapung Pantai Sri Tujoh di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Amar memberitahu, Kelantan semestinya kaya dengan sumber emas terutama di kawasan Sokor Tanah Merah dan Jeli mengikut laporan yang dikemukakan JMG.

Beliau berkata, kuantiti mineral itu tidak dapat diketahui sama ada berbaloi untuk dilombong atau sebaliknya dan memerlukan satu kajian yang khusus.

"Sebagai contoh, ada emas ditemui dalam bumi dan kawasan sungai di Jeli. Emas itu kerap ditemui penduduk dan kerajaan mengeluarkan lesen mendulang bertujuan agar dapat mengawal aktiviti tersebut," ujarnya.

*Kosmo!* semalam melaporkan, penduduk di sekitar Kampung Bukit Lata digemparkan dengan penemuan ketulan batu-batu yang didakwa mengandungi emas. Batu-batu itu dijumpai penduduk di kawasan tapak pembinaan projek tebatan banjir.

Kosmo 16.11.2021_8